



USAHA PENYELARASAN PEMBANGUNAN KELANTAN DENGAN AGENDA NASIONAL TERUS DIPERKUKUH

Buletin بولين دارالنعيم

MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SYAWAL 1446H | 02-12 APRIL 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

KELANTAN YAKIN KERAJAAN PERSEKUTUAN PERTIMBANG CADANGAN PEMBANGUNAN NEGERI

KELANTAN ANJUR LIMA BENGKEL PULIHAKAN ENAKMEN SYARIAH YANG DIBATALKAN

SAMBUT SYAWAL JANGAN LUPA SAUDARA SEAGAMA DI PALESTIN

## KELANTAN MODEL PERPADUAN KAUM TARIK 50,000 PENGUNJUNG KE RUMAH TERBUKA AIDILFITRI PAS KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU**, 10 April – Tema ‘Kelantan Model Perpaduan’ terbukti bukan sekadar slogan apabila lebih 50,000 pengunjung pelbagai kaum dan agama membanjiri Rumah Terbuka Aidilfitri PAS Kelantan 2025 yang berlangsung di Dataran Warisan, Stadium Sultan Muhammad IV, hari ini.

Majlis tahunan anjuran PAS Kelantan itu menjadi medan penyatuan masyarakat berbilang latar, termasuk kehadiran wakil komuniti silang budaya .

Antaranya, pemimpin orang asli dari suku kaum Jahai, Kampung Sungai Rual, Jeli yang tampil memperagakan pakaian tradisional anyaman daun palas sebagai simbolik keharmonian budaya yang diraikan bersama.

Menteri Besar Kelantan merangkap Timbalan Pesuruhjaya I PAS Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud menyifatkan kehadiran pelbagai lapisan rakyat dalam suasana penuh kemesraan itu sebagai lambang perpaduan yang wajar dicontohi seluruh negara.



“Kita bersyukur dapat menyambut Aidilfitri dalam keadaan aman dan meriah. Namun, jangan kita lupa kepada saudara di Palestin yang diuji dengan penindasan. Doa dan bantuan kita amat diperlukan. Semoga mereka terus dilindungi Allah dan tabah mempertahankan al-Quds,” katanya menerusi ucapan perasmian.

Beliau turut mengingatkan tentang tanggungjawab ketua keluarga untuk menjaga institusi keluarga daripada terjebak dengan perkara melalaikan.

“Hari raya sebenarnya ialah untuk mereka yang takut kepada

janji-janji ancaman Allah SWT. Oleh itu ketua keluarga mesti juga keluarga sendiri daripada berbuat perkara yang mendatangkan kemurkaan Allah.

“Keluarga ibarat pohon durian yang perlu dijaga dengan baik, jangan sampai senduduk liar tumbuh subur di sekelilingnya kerana kita lahai,” pesannya.

Sementara itu, Pesuruhjaya PAS Kelantan YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Ahmad Yakob menegaskan bahawa majlis tersebut mencerminkan kejayaan tarbiah Ramadan dalam membentuk masyarakat yang kembali kepada fitrah

“

Inilah saatnya kita mengeratkan silaturahim tanpa mengira warna kulit dan latar fahaman, bersatu di bawah dasar Membangun Bersama Islam. Tema Kelantan Model Perpaduan adalah manifestasi kasih sayang dan simpati yang menjadi asas keamanan negeri ini

dan menjunjung nilai ubudiah kepada Allah SWT.

“Inilah saatnya kita mengeratkan silaturahim tanpa mengira warna kulit dan latar fahaman, bersatu di bawah dasar Membangun Bersama Islam. Tema Kelantan Model Perpaduan adalah manifestasi kasih sayang dan simpati yang menjadi asas keamanan negeri ini,” katanya.

Majlis dimeriahkan dengan 35 stesen juadah tradisional dan fusion, persembahan kebudayaan, dan sesi ramah mesra bersama pemimpin, sekali gus memperkuuh hubungan rakyat dan kerajaan negeri.



# KELANTAN YAKIN KERAJAAN PERSEKUTUAN PERTIMBANG CADANGAN PEMBANGUNAN NEGERI

Oleh: Norzana Razaly

**BACHOK**, 12 April – Kerajaan Kelantan yakin beberapa cadangan pembangunan utama yang dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan akan mendapat pertimbangan sewajarnya demi kesejahteraan rakyat, berlandaskan semangat federalism.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, cadangan berkenaan telah disampaikan sendiri kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Alhamdulillah, beberapa cadangan projek yang menjadi keutamaan kerajaan Kelantan sudah dikemukakan kepada Perdana Menteri. Saya percaya ia akan



diberi pertimbangan yang adil,” katanya ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI peringkat negeri Kelantan di Pantai Irama, hari ini.

Menurutnya, hubungan baik di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan amat penting dalam memastikan agenda pembangunan rakyat dapat dilaksanakan secara



menyeluruh dan harmoni.

“Dalam hal pentadbiran, kita menjunjung tinggi semangat federalisme yang matang. Negeri dan Persekutuan tidak hadir untuk saling bersaing, sebaliknya harus bergerak seiring menjayakan agenda rakyat,” ujarnya.

Tambah beliau, kerajaan negeri terus komited menggerakkan pelan

strategik Penghayatan Membangun Bersama Islam dengan memelihara perpaduan serta keharmonian rakyat sambil memperkuuhubungan dengan Kerajaan Persekutuan.

“Keamanan dan keharmonian yang terbina dalam negara hendaklah terus dijaga dan diperkuuhkan.” tegasnya.

## KELANTAN ANJUR LIMA BENGKEL PULIHKA ENAKMEN SYARIAH YANG DIBATALKAN



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 10 April – Kerajaan Negeri Kelantan terus komited memperjuangkan pelaksanaan undang-undang syariah yang sah dan seimbang, selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Malaysia.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Kelantan telah menganjurkan lima sesi bengkel dan perbincangan teknikal bagi merangka pindaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 yang dibatalkan

oleh Mahkamah Persekutuan pada Februari tahun lalu.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, usaha itu dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Teknikal Enakmen Kanun Jenayah Syariah bagi mengembalikan semula 16 seksyen yang telah dibatalkan oleh mahkamah.

“Sebanyak lima bengkel telah diadakan setakat ini sebagai langkah memperkuuh draf enakmen dengan penambahbaikan serta

perincian yang lebih wajar dan menyeluruh.

“Kita sedang giat menyemak dan meminda kandungan enakmen agar dapat dibentangkan semula dalam sidang Dewan Negeri (DUN) yang dijadualkan pada Julai depan,” katanya dalam kenyataan menerusi laman sosialnya.

Terdahulu, beliau mempergerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 yang berlangsung di MABNA, Kompleks Kota Darulnaim pada Rabu.

Turut hadir, Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan YB Dato' Idham Abdul Ghani, Timbalan Exco YB Nik Bahrum Nik Abdullah, Mufti Kerajaan Negeri Sahibus Samahah Dato' Kaya Perba Dato' Mohamad Shukri Mohamad, Pengurus Jawatankuasa Teknikal Enakmen YB Wan Rohimi Wan Daud, Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan Dato' Ibrahim Deris serta Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan Mohd Hafiz Daud.

Menurut YB Mohd Asri, dua jawatankuasa khas telah ditubuhkan susulan keputusan Mahkamah Persekutuan itu, iaitu Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal bagi meneliti aspek perundangan dan syarak dalam usaha menggubal semula enakmen yang relevan serta sah dari sudut perlombagaan.

Untuk rekod, pada Mac 2024, DUN Kelantan meluluskan usul bagi menggubal semula 16 seksyen dalam enakmen berkenaan selepas Mahkamah Persekutuan mengisyiharkan sebahagian peruntukannya terbatal dan tidak sah.

Keputusan tersebut dibuat susulan petisyen yang difailkan oleh peguam Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid dan anaknya, Tengku Yasmin Natasha Tengku Abdul Rahman.

# USAHA PENYELARASAN PEMBANGUNAN KELANTAN DENGAN AGENDA NASIONAL TERUS DIPERKUKUH

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU**, 12 April — Usaha menyelaras keperluan pembangunan negeri Kelantan dengan agenda nasional yang menekankan perpaduan, kemampunan dan kesejahteraan rakyat diteruskan melalui Mesyuarat Khas Pembangunan Negeri Kelantan Tahun 2025 yang dipengerusikan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Mesyuarat berlangsung hampir sejam itu turut disertai barisan pemimpin tertinggi kerajaan persekutuan dan negeri, menandakan komitmen bersama dalam merapatkan jurang pembangunan serta memperkuuh tadbir urus yang inklusif dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Ketibaan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan pada jam 8.40 pagi disambut oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud bersama Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Turut hadir, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Komunikasi, YB Dato' Fahmi Fadil



diringi Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahl-an Abdul Aziz.

Dalam satu kenyataan di media sosial, Menteri Besar menerangkan bahawa keterbukaan dan kematangan dalam pentadbiran negeri merupakan asas utama bagi menjayakan agenda pembangunan bersepadu demi rakyat Kelantan.

“Pagi ini, saya membawa hasrat dan harapan besar rakyat Tanah Serendah Sekebun Bunga ke meja

perbincangan bersama YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat Khas Pembangunan Negeri Kelantan Tahun 2025. Semoga segala perancangan dan perbincangan ini menjadi titik tolak kepada kemajuan negeri yang lebih sejahtera dan lestari. Insya-Allah,” katanya.

Dato' Mohd Nassuruddin turut menegaskan bahawa pembangunan negeri tidak boleh bergerak secara bersendirian, sebaliknya memerlukan penyelarasian rapi dengan dasar dan pelan tindakan peringkat persekutuan.

Sementara itu, Timbalannya, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan juga menzhirikan penghargaan atas kesudian Perdana Menteri hadir ke Kelantan bagi menjayakan mesyuarat berkenaan yang disusuli dengan Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 di Pantai Irama, Bachok.

“Semoga kunjungan ini membuka lebih banyak ruang kerjasama dan memperkuuh hubungan antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan demi manfaat menyeluruh kepada rakyat Kelantan,” ujarnya.

## SAMBUT SYAWAL JANGAN LUPA SAUDARA SEAGAMA DI PALESTIN



Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 7 April – Umat Islam diingatkan agar tidak melupakan penderitaan yang sedang ditanggung saudara seagama di bumi Palestin, khususnya di Gaza, ketika meraikan Aidilfitri dalam suasana penuh kegembiraan dan kesyukuran.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, kekejaman rejim Zionis terhadap rakyat Palestin telah berlarutan hampir 600 hari, menjadi konflik tersebut sebagai antara

tragedi kemanusiaan paling buruk dalam sejarah moden.

“Hari raya perlu kita sambut, namun dalam masa yang sama, jangan sesekali kita lupakan saudara seagama di bumi Palestin yang terus dizalimi dan diperangi oleh Zonis Israel laknatullah.

“Keadaan mereka sangat menyayat hati. Ramai kanak-kanak, warga emas dan orang awam terkorban dalam keadaan tragis, manakala hampir 90 peratus kawasan Gaza musnah akibat kekejaman berterusan,” katanya ketika berucap dalam Majlis Rumah Ter-

buka Aidilfitri DUN Demit yang diadakan di perkarangan Pasar Tok Kenali, Binjai, di sini semalam.

Beliau turut menyeru rakyat untuk terus berdoa sebagai tanda solidariti dan kebersamaan dengan perjuangan rakyat Palestin, selari dengan tema majlis iaitu “Cinta Palestin”.

Dalam ucapannya, YB Mohd Asri turut merakam penghargaan kepada rakyat di DUN Demit yang sentiasa menunjukkan komitmen tinggi dalam menjaga perpaduan serta mempertahankan kekuatan agama Islam.

“Saya sangat menghargai kerjasama dan kesepakatan rakyat di DUN Demit. Sebab itulah saya perkenalkan tag line ‘Demit Sepakat’ yang menggambarkan semangat kebersamaan rakyat dalam apa jua isu, lebih-lebih lagi yang menyentuh soal keutuhan agama dan keharmonian masyarakat pel-

bagai kaum,” katanya.

Majlis yang dihadiri lebih 3,000 penduduk itu turut dimeriahkan dengan pelbagai juadah tradisional seperti gulai kawah dan sate, mencerminkan semangat perpaduan dan kesyukuran rakyat menyambut lebaran.

Turut hadir, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan. YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman, ADN Pasir Tumbuh YB Dato' Abdul Rahman Yunus, ADN Salor YB Saizol Ismail, ADN Mengkebang YB Zubir Abu Bakar, Pengarah JAHEAIK, Dr Hasnan Ramli, Guru Pondok Moden Syeikh Wazir serta Pengarah Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) Razuan Awang Hamad.

# PEWARTAAN ENAKMEN TERNAKAN HAIWAN RUMINAN 2023 ATASI HAIWAN RAYAU, ELAK KEMALANGAN

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM,** 10 April – Pewartaan Enakmen Ternakan Haiwan Ruminan 2023 oleh Dewan Negeri Kelantan (DUN) yang menggantikan Enakmen Lembu Kerbau 1968 diyakini mampu menangani isu haiwan ternakan berkeliaran yang sering menjadi punca kemalangan jalan raya.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri YB Hilmi Abdullah berkata menerusi enakmen yang baharu itu, semua pemilik haiwan ruminan diwajibkan mendaftarkan haiwan ternakan mereka dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sebagai langkah kawalan yang lebih sistematik.

“Pendaftaran ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Ketika ini, ia diwajibkan kepada haiwan yang baharu dilahirkan sahaja.

“Bagi haiwan yang telah besar, terutama yang diternak secara lepas di ladang-ladang kelapa sawit, pelaksanaannya masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya,” katanya.



Beliau berkata demikian kepada media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di MABNA, Kompleks Kota Darulnaim, pagi tadi.

Mengulas lanjut, YB Hilmi menjelaskan bahawa usaha sedang giat dijalankan bersama JPV dan Exco Pertanian bagi memperluas pelaksanaan pendaftaran kepada semua haiwan ternakan termasuk haiwan dewasa dan liar.

“Kita mahu semua haiwan ternakan dikenal pasti pemiliknya. Setelah didaftarkan, setiap haiwan akan diberikan nombor pengenalan berbentuk tagging atau kod bar, memudahkan pihak berkuasa mengenal pasti pemilik sekiranya haiwan tersebut berkeliaran,” ujarnya.



Sementara itu, menyentuh isu anjing liar yang sering membimbangkan masyarakat, YB Hilmi menjelaskan bahawa hanya anjing yang disahkan menghidap penyakit rabies sahaja boleh dilupuskan, berdasarkan ketetapan undang-undang sedia ada.

“Ini antara kekangan utama pihak berkuasa tempatan (PBT). Sekiranya anjing yang tidak berpenyakit ditembak atau dilupuskan, ia akan mendapat bantahan daripada pertubuhan pencinta haiwan.

“Bagi membolehkan tindakan, laporan daripada komuniti tempatan perlu dikemukakan terlebih dahulu bagi mengesahkan risiko,” katanya.

Dalam perkembangan berikutan, YB Hilmi turut menzahir-

kan rasa simpati terhadap keluarga Allahyarham Mohd Akif Haiqal Mat Yusuf yang terkorban dalam satu kemalangan jalan raya akibat melanggar seekor lembu di Kilometer 7, Lebuhraya Gua Musang-Kuala Krai, berhampiran Perumahan Laman Firdaus, awal pagi Rabu.

Beliau bersama wakil Pemuda Guchil hadir menziarahi keluarga mangsa dan menyertai majlis tahlil di Kampung Derdap Lebir sebagai tanda solidariti.

“Kes sebegini membuktikan betapa pentingnya kawalan ke atas haiwan ternakan. Enakmen ini bukan untuk menyusahkan penternak, sebaliknya bagi memastikan keselamatan awam dan kesejahteraan semua pihak,” tegasnya.

## PERAHU KOLEK IKON PELANCONGAN KELANTAN



Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU,** 6 April – Perahu kolek diiktiraf sebagai salah satu ikon pelancongan negeri Kelantan yang berpotensi besar menarik kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa,

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri, YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, pelancaran dua buah perahu kolek pelancongan yang dilaksanakan hari ini diyakini mampu menambah daya tarikan



negeri ini sekali gus merancakkan pertumbuhan ekonomi setempat.

“Dengan pelancaran dua buah perahu kolek ini dan apabila ia memulakan operasi kelak, saya yakin ia akan meningkatkan lagi jumlah kedatangan pelancong ke Kelantan dari dalam dan luar negara.

“Kemasukan pelancong yang meningkat secara langsung akan merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan serta memberi manfaat besar kepada rakyat,” katanya

semasa merasmikan Majlis Pelancaran Perahu Pelancongan di Tanjung Kuala, Sabak, di sini, hari ini.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri Kelantan merancang untuk memperkenalkan projek “River Cruise” sebagai inisiatif memperkasa sektor pelancongan berdasarkan sumber semula jadi.

“Kita mempunyai dua batang sungai utama iaitu Sungai Pengkalan Datu dan Sungai Kelantan.

“Perahu kolek ini akan beroper-

asi di kedua-dua sungai tersebut; satu berpengkalan di Cersna Resort, Pengkalan Datu dan satu lagi di Tambatan Diraja, Sungai Kelantan di Kota Bharu,” ujarnya.

Beliau turut merakam ucapan tahniah dan penghargaan kepada tokoh dikir barat terkenal Ramli Raja Laut, atas inisiatif beliau merealisasikan projek perahu kolek pelancongan tersebut.

“Saya bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada saudara Ramli Raja Laut yang telah mengusahakan dua buah perahu kolek ini. Kami amat berbangga dengan usaha gigih beliau dalam memperkuuh sektor pelancongan negeri,” katanya.

Turut hadir, Pengarah Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) Nik Mohamad Fahmi Nik Daud serta para pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan.

KEBERKATAN

# MB KELANTAN TERHARU RIBUAN PERANTAU HADIRI MAJLIS AIDILFITRI



Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU**, 3 April - Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud menzahirkan rasa terharu atas kehadiran ribuan anak perantau ke Majlis Mesra Aidilfitri bersama Pemimpin Kerajaan Negeri Kelantan.

Beliau menzahirkan perasaan tersebut ketika merasmikan program di Dewan Yayasan Islam Kelantan (YIK), Tunjong pada Selasa.

Beliau bersyukur dengan ke-

hadiran anak-anak Kelantan dari pelbagai pelosok tanah air dan luar negara, yang tidak melupakan akar budaya serta tanah tumpah darah sendiri.

Para perantau dianggap sebagai individu yang berperanan penting dalam membawa imej Kelantan ke peringkat lebih tinggi.

“Saya menyeru agar lebaran ini dimanfaatkan untuk mengeratkan silaturahim sesama keluarga serta memperkuatkan semangat persaudaraan Islam. Islam akan menjadi kuat apabila kita semua bersatu-padu,” katanya.

Dato' Mohd Nassuruddin turut merakamkan penghargaan terhadap kepakaran yang dimiliki anak-anak perantau dalam pelbagai bidang dan mengalukan sumbangan idea serta buah fikiran mereka bagi membangunkan negeri.

Menurutnya, sinergi di antara perantau dengan pemimpin kerajaan negeri amat penting dalam usaha memperkasakan Kelantan ke arah yang lebih maju dan sejahtera.

Majlis kelolaan Urus Setia Pen-erangan dan Komunikasi Negeri

Kelantan (UPKN) itu dihadiri oleh saf kepimpinan kerajaan negeri serta anak-anak perantau yang berkesempatan pulang ke Kelantan bagi meraikan Syawal.

Pada kesempatan itu juga, Menteri Besar dan seluruh pemimpin turut beramah mesra dengan lebih 1000 hadirin dan mendoakan mereka selamat tiba ke destinasi masing-masing setelah menikmati kemeriahan Aidilfitri di kampung halaman.



## YB AHMAD FADHLI ZIARAH MANGSA TRAGEDI LETUPAN GAS, SERU RAKYAT HULUR BANTUAN



Oleh: Norzana Razaly

**PUCHONG**, 7 April – Ahli Parlimen Pasir Mas YB Ahmad Fadhlizzi Shaari menzahirkan keprihatinannya terhadap mangsa tragedi letupan gas di Putra Heights dengan menziarahi Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Dewan Camellia, hari ini.

Dalam lawatan tersebut, beliau sempat bertemu secara langsung dengan beberapa mangsa kejadian, termasuk Aziz Zakaria, salah seorang penduduk yang terkesan apabila kediamannya musnah dalam

insiden berkenaan.

“Ketika kejadian, saudara Aziz dan keluarga berada di kampung berhari raya di Kampung Jejawi Meranti, Pasir Mas,” catat beliau menerusi hantaran di laman sosial rasmi, hari ini.

Sebagai tanda solidariti dan keprihatinan, YB Ahmad Fadhlizzi turut menyampaikan sedikit sumbangan kepada Aziz serta menyantuni mangsa-mangsa lain yang kini berlindung sementara di PPS tersebut.

Terdahulu, beliau mengunjungi

Bilik Operasi Khidmat Malaysia Puchong yang beroperasi di PASTI Salman Al-Farisi bagi mendapatkan perkembangan terkini berhubung situasi di lokasi kejadian.

“Saya turut mendengar taklimat daripada Setiausaha Khidmat Malaysia berhubung situasi semasa dan usaha bantuan yang sedang digerakkan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau mengajak orang ramai agar terus mendoakan kesejahteraan mangsa dan menghu-

lurkan bantuan dalam bentuk sumbangan kewangan, makanan dan keperluan asas lain.

“Teruskan berdoa dan hulurkan bantuan untuk saudara-saudara kita yang dijuji,” ujar beliau.

Orang ramai yang berhasrat menyalurkan sumbangan bagi menyokong gerak kerja bantuan boleh berbuat demikian menerusi akaun Pertubuhan Prihatin Warga Puchong Puchong Care), Maybank: 562777258108.



# HOTEL RENAI KOTA BHARU CIPTA REKOD KEBANGSAAN TERIMA MBOR

Oleh: Norzana Razaly


**KOTA BHARU**, 10 April – Hotel Renai Kota Bharu mencipta rekod nasional sebagai pemangkin kepada inovasi hospitaliti yang berteraskan nilai tempatan apabila

merangkul tiga pengiktirafan dalam Malaysian Book of Records menerusi penganjuran program berbuka puasa Ramadan 2025 yang luar biasa.

Majlis penyampaian anugerah tersebut disempurnakan oleh Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, YB Datuk Kamarudin Md Nor pada Isnin.

Tiga kategori yang diiktiraf ialah “Largest Iftar Gathering in a Hotel”, “Most Dishes Served at a Hotel Ramadan Buffet”, dan “Longest Indoor Street Food Stalls in a Hotel”, sekali gus memperkuuh jenama Hotel Renai sebagai destinasi hospitaliti bertaraf tinggi di pantai timur.

Dalam kenyataannya menerusi laman media sosial rasmi, YB Datuk Kamarudin mengucapkan syabas atas kejayaan luar biasa tersebut dan menyifatkannya sebagai satu pencapaian membanggakan



buat industri pelancongan negeri Kelantan.

“Syabas dan teruskan kecermerlangan. Usaha sebegini bukan sekadar memberi impak kepada sektor pelancongan, bahkan turut menyemarakkan nilai budaya serta warisan negeri dalam suasana penuh harmoni dan kemeriahinan Ramadan,” tulisnya.

YB Datuk Kamarudin turut merakamkan penghargaan kepada pengurusan Hotel Renai yang berjaya mentransformasi pengalaman berbuka puasa ke tahap lebih



tinggi melalui kepelbagaiannya sajian, layanan bertaraf profesional serta elemen kebersamaan yang cukup dirasai.

“Tahniah kepada pihak pengurusan Renai Hotel yang berjaya mengangkat pengalaman berbuka puasa bukan sahaja dari sudut penyediaan makanan, tetapi juga suasana dan nilai kebersamaan yang sangat dirasai,” katanya.

Sementara itu, Pemangku Pengurus Besar Renai Hotel Kota Bharu Nik Adura Zuliana Dato' Nik Abdul Rashid pula berkata

pengiktirafan daripada The Malaysia Book of Records tahun ini sebagai satu peringatan indah tentang keberkatan bulan Ramadan.

“Pencapaian ini menunjukkan komitmen kami dalam mencipta pengalaman yang bermakna melalui komuniti, budaya dan sajian yang lazat.

“Bermula dengan penganjuran iftar terbesar di hotel, penyediaan hidangan terbanyak, sehingga penganjuran lorong makanan tertutup terpanjang, acara ini membantu Renai Hotel mencatat pelbagai rekod baru,” ujarnya.

“Pasukan kami merealisasikannya dengan mewujudkan suasana yang meriah serta lorong makanan yang luar biasa. Kami menanti kunjungan para tamu ke acara akan datang untuk sama-sama mencipta lebih banyak memori indah,” tambahnya.

Pihak pengurusan hotel turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, termasuk tetamu dan komuniti setempat yang menyokong dan meriahkan penganjuran program berbuka puasa berskala besar tersebut.

## 30 WASI DUN KEMAHANG TERIMA BAYARAN SKIM KHAIRAT KIFALAH

Oleh: Asri Hamat

**TANAH MERAH**, 9 April – Seramai 30 orang wasi peserta Skim Khairat Kifalah di Dewan Negeri (DUN) Kemahang menerima bayaran pampasan bermula awal tahun 2025 hingga hari ini, kata Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemahang, YB Mejar (B), Dato' Md Anizam AB Rahman.

Beliau yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan berkata, bayaran tersebut berjumlah RM30,000, di mana setiap wasi menerima sebanyak RM1,000 setelah peserta Skim Khairat Kifalah meninggal dunia.

Jelas beliau, penyerahan tersebut merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk meringankan beban keluarga peserta yang telah kembali ke rah-

matullah.

“Penyerahan sumbangan melalui Skim Khairat Kifalah ini membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri Kelantan menjaga kebajikan rakyat, terutama menghadapi saat-saat sukar selepas kehilangan keluarga tersayang,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial miliknya pada Selasa.

Tambah beliau lagi, kerajaan negeri sentiasa komited untuk memastikan setiap waris peserta akan menerima manfaat yang sewajarnya.

“Kita sentiasa komited dalam memastikan pewaris peserta skim ini mendapat manfaat yang sewajarnya dan proses urusan berkaitan skim ini dijalankan dengan penuh integriti.

“Semoga sumbangan ini memberi sedikit kelegaan kepada kelu-



arga yang ditinggalkan dan menjadi bukti bahawa agenda kebajikan rakyat menjadi keutamaan kerajaan negeri,” tambah beliau.

Untuk rekod, skim ini bermula pada tahun 2007 dengan nama Skim Takaful Kifalah Warga Emas dan diuruskan oleh anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) iaitu Kifalah Sdn Bhd. Namun pada tahun 2019, penguru-

san diambil alih oleh Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan dengan nama baharu iaitu Skim Khairat Kifalah Kerajaan Negeri Kelantan.

Bermula Februari 2007 hingga November 2024, jumlah tuntutan kematian seramai 80,111 orang daripada 216,515 orang yang berdaftar dengan implikasi kewangan sebanyak RM118.16 juta.



MB KELANTAN TERHARU RIBUAN PERANTAU HADIRI MAJLIS AIDILFITRI

Buletin دارالنعيم MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SYAWAL 1446H | 02-12 APRIL 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

## KEJAYAAN WARGA PERANTAU BUKTI KEUPAYAAN ANAK KELANTAN DI PERSADA GLOBAL

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU**, 2 April – Anak Kelantan di perantauan telah membuktikan keupayaan bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa, menjulang nama negeri dengan pencapaian cemerlang dalam pelbagai bidang.

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Fazihudean Tengku Feissal menyifatkan kejayaan tersebut sebagai manifestasi kegigihan, keberanian dan dedikasi mereka dalam menghadapi cabaran di luar negeri.

"Pencapaian ini mencerminkan semangat yang tinggi serta keazaman luar biasa dalam mengejar impian dan cita-cita."

"Kami (Kerajaan Negeri Kelantan) amat bangga dengan sumbangan berharga yang anda berikan, sekali gus mengharumkan nama Kelantan di peringkat lebih luas," katanya dalam Majlis Mesra Aidilfitri Pemimpin Kelantan Bersama Anak Kelantan di Perantauan 1446H/ 2025M di Dewan Besar Yayasan Islam Kelantan (YIK), Bandar Baru Tunjong, pada Selasa.

Beliau turut mengakui pengorbanan besar yang telah dilakukan oleh

warga perantau, meninggalkan kampung halaman dan keluarga demi membina kehidupan serta mencapai kecemerlangan.

"Namun begitu, semangat dan tekad yang anda tunjukkan bukan sahaja memberi manfaat kepada diri sendiri dan menjadi sumber inspirasi kepada generasi muda Kelantan untuk terus berusaha mencapai potensi mereka," ujarnya.

Menurutnya lagi, anak Kelantan di perantauan mempunyai peranan besar dalam pembangunan negeri asbab kepakaran, pengalaman luas dan jaringan profesional yang dimiliki boleh dimanfaatkan bagi meningkatkan daya saing serta pertumbuhan ekonomi negeri.

"Fenomena 'brain drain' sering dianggap cabaran, namun kita melihatnya sebagai peluang strategik untuk membentuk sinergi antara tenaga mahir Kelantan di luar negeri dengan pembangunan negeri tercinta. Kepakaran dan pengalaman warga perantau dapat menjadi pemacu kepada kemajuan negeri melalui sumbangan idea, kerjasama strategik serta pelaburan berimpak tinggi," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menyuruh warga perantau agar melangkah ke hadapan sebagai pemangkin pe-



rubahan, menjadikan kepakaran dan inovasi sebagai aset utama dalam mengerakkan Kelantan ke arah kemajuan.

"Dengan semangat dan komitmen bersama, kita mampu menjadikan Kelantan sebagai destinasi yang disegani dan membanggakan di peringkat nasional serta antarabangsa," katanya.

Selain itu, beliau turut menekankan peranan penting warga perantau sebagai 'duta budaya' Kelantan dalam memperkenalkan seni, adat resam dan makanan tradisional negeri kepada dunia luar.

"Keunikan warisan Kelantan perlu dibanggakan dan dipromosikan agar lebih ramai dapat mengenalinya. Identiti negeri ini harus terus berkembang, dan anda semua adalah duta yang mampu membawa

warisan ini ke persada global," tambahnya.

Kerajaan negeri, katanya, amat menghargai hubungan erat yang telah terjalin dengan warga perantau dan komited untuk memastikan setiap individu dapat terus berperanan dalam membina masa depan Kelantan.

Majlis Mesra Aidilfitri kelolaan Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) dan dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Daud Nasuruddin Daud itu turut disifatkan sebagai wadah memperkuuh silaturahim di antara pimpinan kerajaan negeri dan anak-anak Kelantan di perantauan, selain menghidupkan semangat Aidilfitri dalam suasana penuh kemesraan dan kesyukuran.

## TMB ZIARAH KEMATIAN "TONGGAK KELUARGA SILANG BUDAYA"

Oleh: Norzana Razaly

**MACHANG**, 9 April – Sejajar dengan aspirasi Kelantan Maju Rakyat Sejahtera yang berpaksikan nilai kasih sayang dan perpaduan masyarakat, kepimpinan negeri Kelantan terus komited menjalin hubungan erat dengan rakyat tanpa mengira latar belakang kaum dan agama.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan membuktikan komitmen tersebut apabila meluangkan masa menziarahi keluarga mendiang Chua Sek Khim di Kampung Temangan, semalam.

Beliau menyampaikan ucapan takziah atas pemergian ibu yang menjadi tonggak keluarga besar

yang bersilang budaya.

Menurutnya, kunjungan berkenaan merupakan ziarah kedua beliau ke kediaman keluarga itu, selepas kunjungan pertamanya pada hari pertama sambutan Tahun Baharu Cina baru-baru ini.

Dato' Dr. Mohamed Fadzli yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Temangan menyifatkan keluarga mendiang sebagai keluarga silang budaya yang unik dan istimewa kerana jalinan kekeluargaan yang utuh meskipun terdiri daripada pelbagai latar bangsa dan agama seperti Cina, Melayu, India, Serani dan Siam.

"Keluarga ini sangat unik dan istimewa kerana ahli keluarganya terdiri daripada pelbagai bangsa



dan agama namun hidup dalam suasana yang harmoni dan sentiasa berkumpul, terutamanya ketika perayaan," katanya menerusi catatan di laman sosial, semalam.

Beliau turut memaklumkan bahawa semasa sambutan Tahun Baharu Cina lalu, lebih 70 ahli keluarga mendiang daripada pelbagai peringkat usia dan berkum-

pul di kediaman berkenaan.

"Malah, ada ahli keluarga yang pulang dari Amerika Syarikat dan New Zealand semata-mata untuk bersama keluarga tercinta sempena perayaan tersebut.

"Sekali lagi saya merakamkan ucapan takziah atas kehilangan ibu yang menjadi tonggak keluarga besar ini," katanya.